KENYATAAN MEDIA

## SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI DI KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERMULA 7 MEI 2021

---

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ingin memaklumkan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Mei 2021 telah memutuskan untuk **menggantung sementara** sektor dan aktiviti sukan dan rekreasi di kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuklah di **premis/ fasiliti komersial, kemudahan awam dan kawasan terbuka** bermula Jumaat, 7 Mei 2021.

KBS telah membawa beberapa cadangan untuk dibincang dan dipertimbangkan di peringkat Mesyuarat Jawatankusa Teknikal MKN dan Sidang Khas tersebut. Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat Sidang Khas adalah berdasarkan kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga setelah mengambil kira cabaran dan perkembangan semasa demi kepentingan kesihatan awam selaras dengan hasrat membendung penularan wabak COVID-19 terutamanya di dalam komuniti.

Berikut merupakan butiran terkini SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di kawasan PKP:

| | |
|---|---|
| **DIBENARKAN** | Semua aktiviti sukan dan rekreasi adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali seperti berikut:<br>i. Pengoperasian fasiliti/ premis sukan dan rekreasi hanya **TERHAD** bagi urusan pengurusan dan penyelenggaraan sahaja;<br>ii. Program latihan berpusat secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis-Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) menggunakan konsep *Camp Based Training;*<br>iii. Program latihan berpusat secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam MFL menggunakan model **GELEMBUNG SUKAN** (*Home/Camp Based Training*);<br>iv. Penganjuran kejohanan/ pertandingan/ perlawanan persahabatan mengikut model **GELEMBUNG SUKAN** adalah **TERHAD** bagi penganjuran Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) sahaja **TANPA** kehadiran penonton; dan<br>v. Penyertaan pemain/ peserta/ pegawai/ teknikal Malaysia ke kejohanan/ pertandingan di luar negara **DENGAN** sokongan KBS dan kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). |

| | | |
|---|---|---|
| **DILARANG** | i. | Semua aktiviti sukan dan rekreasi **KECUALI** yang mendapat kebenaran khas KBS; |
| | ii. | Kehadiran penonton/ penyokong ke stadium/ venue sukan dan rekreasi; dan |
| | iii. | Penyertaan pemain/ peserta/ pegawai/ teknikal Malaysia ke kejohanan/ pertandingan di luar negara **TANPA** sokongan KBS dan kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). |

**Tertakluk kepada pewartaan*

KBS yakin keputusan ini adalah bersifat sementara dan sentiasa menyokong usaha yang dijalankan KKM demi membendung penularan COVID-19 seterusnya melandaikan keluk jangkitan. Penilaian risiko oleh pihak berkuasa seperti KKM akan dibuat dari semasa ke semasa dan kebenaran bagi sektor/aktiviti sukan dan rekreasi untuk dibenarkan beroperasi semula adalah menjadi komitmen utama KBS.

YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan sentiasa memahami keresahan dan keperitan pihak penggiat sukan dan pemain industri khususnya operator fasiliti sukan dan rekreasi komersial yang terpaksa ditutup dengan keputusan terkini ini di kawasan PKP. Keputusan ini adalah bersifat sementara untuk sama-sama membantu kerajaan dalam usaha mengurangkan dan membendung penularan pandemik COVID-19 di dalam komuniti dan negara kita secara amnya.

SOP Sektor Sukan dan Rekreasi bagi kawasan PKP yang telah dikemas kini akan dimuat naik di portal MKN dan KBS dalam masa terdekat. Untuk maklumat lanjut dan terkini mengenai SOP Sektor Sukan dan Rekreasi, sila layari laman web KBS melalui pautan http://www.kbs.gov.my/sopsukanrekreasi

Bilik Gerakan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi boleh dihubungi melalui e-mel, sopsportrec@kbs.gov.my atau melalui talian, 03-8871 3585 / 03-8871 3246 (Isnin – Jumaat, 8.00 pagi hingga 5.00 petang **KECUALI** cuti umum dan hari kelepasan am).

Bagi mana-mana kawasan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pula, **SOP adalah kekal seperti SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang sedang berkuat kuasa kemaskini 1 April 2021**.

Sekali lagi, KBS menyeru orang ramai terutamanya pemegang taruh sektor sukan dan rekreasi untuk sentiasa mematuhi SOP bagi memastikan usaha kita membendung penularan COVID-19 berjaya.

**“KITA JAGA SUKAN KITA”**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**
**6 Mei 2021**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**
Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan
03-8871 3405 / 3436 / 019-2204008